

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 OGOS 2021  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 12

## GENERASI kemuka 10 resolusi kepada Felda untuk bela nasib peneroka

SHAH ALAM - Ketua Pemuda Pas, Senator Khairil Nizam Khirudin bersama Pengerusi NGO GENERASI, Roslan Md Esa dan Kamal Ashaari Al-Kerdawi pada Sabtu bertemu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mereka turut menyerahkan memorandum yang mengandungi 10 resolusi bagi membela nasib dan kebajikan peneroka susulan isu perjanjian penghapusan pinjaman dan pengurusan kebun antara peneroka dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Khairil Nizam menerusi satu hantaran di Facebook miliknya pada Sabtu berkata, 10 resolusi yang dicadangkan GENERASI itu termasuk Felda perlu menawarkan harga kompetitif dan lebih baik dari pasaran luar dan memastikan pembayaran kepada peneroka yang menjual hasil kepada Felda dibuat secara mingguan.

"Selain itu, Felda juga perlu memberikan insentif kepada peneroka yang mengusahakan ladang sendiri (tidak ada hutang) dan peneroka yang pernah mem-



Mustapa (tengah) ketika menerima memorandum daripada Roslan dan Kamal Ashaari di pejabatnya pada Sabtu.

bayar hutang (secara berdisiplin).

"GENERASI juga momohon agar penyerahan pengurusan ladang kepada Felda ditetapkan tempoh secara jelas.

"Sekiranya pihak-pihak yang terlibat di dalam perjanjian melanggar mana-mana klausa perjanjian, tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mereka," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Tan

Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan kerajaan bersetuju melupakan sebahagian pinjaman peneroka Felda berjumlah RM8.3 bilion secara bersyarat.

Menurut beliau, persetujuan itu mengambil kira isu hutang peneroka yang disifatkan harus diperbetulkan terlebih dahulu untuk memudahcarakan proses penajaan semula Felda.

Tambah Muhyiddin, menerusi ini-

siatif tersebut, bebanan pinjaman yang ditanggung peneroka akan berkurangan sebanyak 80 peratus bagi setiap peneroka.

Mengulas lanjut, Khairil Nizam berkata, Felda juga perlu mengiktiraf hak sama rata antara peneroka yang mengurus ladang mereka sendiri selain memberikan pilihan sama ada bersetuju untuk menanda tangan perjanjian ataupun tidak.

"Kemudian memberikan penerangan secara terperinci dengan tulus dan jelas mengenai kaedah pengiraan pelupusan 80 peratus hutang-hutang peneroka.

"Bagi yang menyerahkan ladang kepada Felda, hasil yang diperoleh hendaklah dinilai sebagai hasil individu bukannya secara rawak mengikut blok dan wang sara hidup dengan melaksanakan caj perkhidmatan yang patuh syariah seperti kadar minimum tidak melebihi 3 peratus.

"Di samping itu, Felda juga perlu memperkasa kaedah penerangan kepada peneroka serta melanjutkan tempoh tunda tangan kepada waktu yang lebih munasabah," katanya lagi.